

# MODUL PINTAS TINGKATAN LIMA

2 JAM 30 MINIT

3756/2

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 2

## ARAHAN :

1. Jangan Buka Kertas Peperiksaan Ini Sehingga Diberitahu.
2. Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
3. Jawab semua soalan di **Bahagian A** dan dua soalan daripada **Bahagian B**.
4. Tulis jawapan anda pada helaian tambahan yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan. Sekiranya tidak mencukupi, anda boleh mendapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.
5. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan.
6. Jika anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baharu.
7. **Tunjukkan kerja mengira**. Ini membantu anda mendapatkan markah.
8. Mulakan jawapan bagi setiap soalan pada helaian yang baharu.
9. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.
10. Ceraikan **Lampiran Ruangan Jawapan** daripada kertas peperiksaan ini. Cantumkan lampiran tersebut bersama helaian jawapan yang lain dengan menggunakan stapler atau menebuk lubang dan ikat kemudian serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.
11. Anda diingatkan untuk menulis Nombor Kad Pengenalan, Angka Giliran, Nama, Tingkatan dan Nombor Soalan di **Lampiran Ruangan Jawapan** dan helaian tambahan yang digunakan untuk menulis jawapan.

NO. KAD PENGENALAN

							-							
--	--	--	--	--	--	--	---	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

NAMA : .....

TINGKATAN : .....

Kertas peperiksaan ini mengandungi 31 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

3756/2

[ Lihat halaman sebelah

**Bahagian A**  
[60 markah]  
Jawab semua soalan.

- 1 (a) Kedai Pink Balloon menetapkan tempoh perakaunan bermula pada 1 Januari hingga 31 Disember setiap tahun.

Pada 30 Disember 2022, Kedai Pink Balloon telah menerima bil air berjumlah RM300. Kedai memutuskan untuk menjelaskan bil tersebut pada bulan Januari 2023. Walaupun bil itu belum dijelaskan dalam tahun 2022, ianya akan direkodkan dalam Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2022.

Nyatakan satu andaian perakaunan dan satu prinsip perakaunan yang diamalkan oleh Kedai Pink Balloon. [2 markah]

- (b) Nyatakan catatan kontra bagi akaun-akaun berkaitan berikut.

- (i) Akaun Belum Terima  
(ii) Modal

[2 markah]

- (c) Encik Liew telah mengesan kesilapan berikut dalam akaun perniagaannya.

Penerimaan cek bernilai RM2 300 daripada Kedai Chuah telah didebitkan dalam Akaun Kedai Chuah dan dikreditkan dalam Akaun Bank.

Sediakan catatan pembetulan dalam Jurnal Am bagi urus niaga tersebut. [2 markah]

- (d) Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan Kedai Arya.

	RM
Kos jualan	84 000
Inventori pada 1 Julai 2023	14 000
Inventori pada 31 Julai 2023	25 000

Hitung Kadar Pusing Ganti Inventori. [2 markah]

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm  
Prinsip Perakaunan K2 Set 2 Selangor 2023

- (e) Pada 1 Jun 2023, Setia Jaya Berhad telah menerbitkan 350 000 unit 8% Syer Keutamaan pada harga RM1.20 sesyer. Pada 30 Jun 2023 semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh.

Hitung Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh.

[2 markah]

- 2 Imbangan Duga berikut diperoleh daripada buku perniagaan Butik Aliya.

**Butik Aliya**  
**Imbangan Duga pada 30 Jun 2023**

Butir	Debit RM	Kredit RM
Modal pada 1 Julai 2022		133 500
Inventori pada 1 Julai 2022	14 200	
Kenderaan	90 000	
Lengkapan	18 000	
Susut nilai terkumpul lengkapan		1 800
Bank	40 890	
Tunai	450	
Tunai runcit	300	
Deposit sewa	2 000	
Akaun Belum Terima	22 450	
Akaun Belum Bayar		24 700
Pinjaman 8%		24 000
Belian dan Jualan	51 590	98 840
Pulangan	530	420
Gaji	18 000	
Angkutan masuk	900	
Duti import	2 300	
Sewa	12 000	
Kadar bayaran	6 600	
Insurans	3 000	
Komisen		3 500
Alat tulis	500	
Diskaun	440	390
Faedah pinjaman	1 800	
Ambilan	1 200	
	287 150	287 150

**Maklumat tambahan:**

- (i) Inventori pada 30 Jun 2023 dinilai seperti berikut:

Produk	Harga kos (RM)	Harga pasaran (RM)
Baju	5 800	6 670
Seluar	6 580	9 850
Jubah	9 540	8 250
Tudung	3 520	4 420

- (ii) Pinjaman 8% sebanyak RM30 000 telah diperoleh pada 1 Julai 2022 dengan tempoh pinjaman selama lima tahun. Faedah pinjaman dikenakan berdasarkan pinjaman pokok.

- (iii) Seorang pelanggan telah diisytiharkan sebagai bankrap oleh mahkamah. Hutangnya sebanyak RM2 450 dihapus kira.
- (iv) Peruntukan hutang ragu diwujudkan pada kadar 2% atas Akaun Belum Terima bersih.
- (v) Baki alat tulis yang masih belum digunakan pada 30 Jun 2023 bernilai RM280.
- (vi) Kenderaan dibeli pada 1 Januari 2023.
- (vii) Aset bukan semasa disusutnilaikan seperti berikut:

Aset	Kaedah dan kadar susut nilai
Kenderaan	Ansuran tetap <ul style="list-style-type: none"> <li>• Usia guna 10 tahun</li> <li>• Nilai skrap RM12 000</li> </ul>
Lengkapan	Baki berkurangan <ul style="list-style-type: none"> <li>• 10% setahun</li> </ul>

- (viii) Dokumen berikut belum direkodkan dalam mana-mana buku.

<p><b>MEMO</b> <span style="float: right;"><b>M008/23</b></span></p> <p><b>Butik Aliya</b>          No. 3, Jalan Wawasan,          42100 Klang, Selangor.          No. Telefon: 03-3371 6533</p> <p style="text-align: right; margin-top: 20px;">Tarikh: 25 Jun 2023</p> <p>Kepada: Pengurus Akaun          Daripada: Puan Aliya</p> <p>Perkara:          Sehelai tudung dan sepasang baju berjumlah RM250 telah diambil untuk kegunaan peribadi.</p> <p style="text-align: right; margin-top: 20px;"> <u>Aliya</u>          Pengurus       </p>
--

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2023. [13 markah]
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2023. [12 markah]

- 3 Maklumat berikut diperolehi daripada buku-buku perakaunan Kelab Futsal Seri Andalas yang terletak di Klang, Selangor.

	1 Januari 2022	31 Disember 2022
	RM	RM
Premis kelab (kos)	100 000	100 000
Lengkapan	6 000	9 800
Inventori Kedai Serbaneka	4 200	5 300
Akaun Belum Bayar Kedai Serbaneka	3 500	5 010
Yuran belum terperoleh	450	300
Yuran belum terima	550	350
Utiliti belum bayar	200	600

Penerimaan dan pembayaran melalui akaun bank kelab bagi tahun 2022:

<b>Penerimaan:</b>	<b>RM</b>
Baki b/b	26 200
Yuran ahli 2021	400
Yuran ahli 2022	10 150
Yuran ahli 2023	300
Yuran masuk	1 800
Derma	20 000
Jualan Kedai Serbaneka	14 600
Yuran pertandingan futsal	6 000

<b>Pembayaran:</b>	<b>RM</b>
Upah pekerja Kedai Serbaneka	1 500
Akhbar dan majalah	400
Insurans kelab	2 000
Utiliti	2 400
Belanja pertandingan futsal	3 600
Akaun Belum Bayar Kedai Serbaneka	4 800
Lengkapan	4 500
Penyelenggaraan premis	2 800

**Maklumat tambahan:**

- (i) Yuran ahli tahun 2021 yang masih belum terima dihapuskan sebagai yuran lapuk.
- (ii) Pulangan belian sebanyak RM350 belum direkodkan.
- (iii) Utiliti berjumlah RM600 masih belum dijelaskan. 50% daripada utiliti adalah untuk Kedai Serbaneka.
- (iv) Derma yang diterima adalah untuk membina gelanggang futsal.
- (v) Yuran masuk hendaklah dianggap sebagai pendapatan modal.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Yuran. [4 markah]
- (b) Akaun Kawalan Belum Bayar. [3 markah]
- (c) Akaun Perdagangan Kedai Serbaneka bagi tahun berakhir 31 Disember 2022. [4 markah]
- (d) Penyata Mengira Dana Terkumpul pada 1 Januari 2022. [3 markah]
- (e) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 [7 markah]
- (f) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022 (Bahagian Dana Terkumpul sahaja). [4 markah]

**Bahagian B**

[40 markah]

*Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.*

- 4 Sita dan Siti merupakan pekongsi bagi Klinik Sita dan Rakan-rakan yang beroperasi di Gombak, Selangor. Mereka berkongsi untung rugi mengikut nisbah modal masing-masing. Mereka telah bersetuju untuk membubarkan perkongsian mereka pada 30 Jun 2023 kerana Siti berpindah ke luar negara. Berikut adalah Penyata Kedudukan Kewangan Klinik Sita dan Rakan-rakan pada 30 Jun 2023.

**Klinik Sita dan Rakan-rakan**  
**Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2023**

	RM	RM	RM
<u>Aset Bukan Semasa</u>			
Peralatan			18 000
Lengkapan			30 000
			48 000
<u>Aset Semasa</u>			
Inventori akhir		8 240	
Bank		21 940	
Deposit kadar bayaran		400	
Akaun Belum Terima		9 840	
		40 420	
<u>(-) Liabiliti semasa</u>			
Akaun Belum Bayar		5 450	
Modal kerja			34 970
			82 970
<u>Ekuiti Pemilik</u>			
Akaun Modal Sita		40 000	
Akaun Modal Siti		40 000	80 000
		4 570	
Akaun Semasa Sita		(1 600)	2 970
Akaun Semasa Siti		(1 600)	2 970
			82 970



**Maklumat tambahan:**

- (i) Peralatan danengkapan dijual dengan harga RM43 500.
- (ii) Akaun Belum Terima dapat dikutip semula setelah ditolak hutang lapuk RM440.
- (iii) Sita bersetuju mengambil alih inventori dan deposit kadar bayaran pada harga RM8 000.
- (iv) Siti bersetuju menjelaskan Akaun Belum Bayar sepenuhnya RM5 100.
- (v) Baki deposit kadar bayaran dikembalikan kepada perkongsian selepas ditolak satu bil elektrik yang belum dibayar RM270.
- (vi) Kos pembubaran sebanyak RM380 telah dijelaskan.
- (vii) Semua penerimaan dan pembayaran dibuat dengan cek.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Realisasi [8 markah]
- (b) Akaun Modal Pekongsi [5 markah]
- (c) Akaun Bank [5 markah]
- (d) Akaun Belum Bayar [2 markah]

- 5 Encik Shahril, pemilik Kedai Runcit Gembira tidak mengamalkan sistem catatan bergu dalam perekodan perniagaan. Aset dan liabiliti perniagaan adalah seperti berikut:

	1 Januari 2022	31 Disember 2022
	RM	RM
Kenderaan	50 000	50 000
Perabot	3 900	4 510
Inventori	8 370	7 106
Akaun Belum Terima	3 920	4 025
Akaun Belum Bayar	3 060	2 198
Gaji belum bayar	-	500
Insurans prabayar	-	350

Ringkasan Buku Tunai bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

Butir	Bank RM	Tunai RM	Butir	Bank RM	Tunai RM
Baki b/b	26 310	1 945	Belian	8 010	2 500
Jualan	38 570	6 910	Akaun Belum Bayar	7 390	
Akaun Belum Terima	8 960		Insurans	2 750	
Sewa	3 000		Perabot	980	
			Kadar bayaran		1 750
			Gaji	9 100	

**Maklumat tambahan:**

- (i) Pemilik mengambil barang niaga RM60 setiap bulan untuk kegunaan keluarganya. Perkara ini belum direkod dalam mana-mana buku.
- (ii) Kenderaan disusutnilaikan 10% setahun mengikut kaedah garis lurus.
- (iii) Sebahagian premis telah disewakan mulai 1 Januari 2022. Sewa bulanan sebanyak RM200.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Kawalan Belum Terima. [4 markah]
- (b) Akaun Kawalan Belum Bayar. [4 markah]
- (c) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2022. [12 markah]

- 6 Encik Shameel menjalankan perniagaan penerbitan buku Kalam Ilmu yang beroperasi di Shah Alam, Selangor. Maklumat kos pengeluaran bagi produk tersebut adalah seperti yang berikut:

Tahun	Paras keluaran (unit)	Jumlah kos (RM)	Jumlah hasil (RM)
2020	2 500	70 000	87 500
2021	5 000	120 000	175 000
2022	7 500	170 000	262 500

**Anda dikehendaki:**

- (a) Menghitung:
- (i) Kos Berubah Seunit [2 markah]
  - (ii) Kos Tetap [2 markah]
  - (iii) Harga Jualan Seunit [2 markah]
  - (iv) Titik Pulang Modal (dalam unit) [2 markah]
- (b) Pada tahun 2023, Encik Shameel mengambil kira beberapa perkara untuk meningkatkan prestasi perniagaan.  
Hitungkan:
- (i) Jumlah unit yang perlu dikeluarkan jika untung sasaran ialah RM100 000. [2 markah]
  - (ii) Keuntungan yang diperoleh jika unit yang dikeluarkan ialah 9 500 unit. [2 markah]
- (c) Berdasarkan jawapan anda di 6(a), lakarkan Graf Titik Pulang Modal yang lengkap. Anda perlu:
- (i) Labelkan:
    - (a) Kos Tetap [1 markah]
    - (b) Jumlah Hasil [1 markah]
    - (c) Jumlah Kos [1 markah]
    - (d) Titik Pulang Modal [1 markah]
  - (ii) Tunjukkan Titik Pulang Modal dalam RM dan unit [2 markah]
  - (iii) Lorekkan kawasan untung dan rugi [2 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**